



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**
Bagi Minggu 19/2011 (8 hingga 14 Mei 2011)

Sepanjang minggu ke-19 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 8 hingga 14 Mei, sejumlah 382 kes Demam Denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 48 kes (14%) berbanding dengan 334 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat 9 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu Selangor yang meningkat sebanyak 33 kes (28%), Terengganu 7 kes (117%), Perak 7 kes (33%), Kedah 6 kes (120%), Johor 6 kes (23%), Sabah 2 kes (29%), Sarawak 2 kes (10%), Melaka 1 kes (14%) dan WP Kuala Lumpur/Putrajaya meningkat sebanyak 1 kes (3%) (Lampiran A). Perak, WP Kuala Lumpur/Putrajaya dan Sarawak telah menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu berturut-turut.

Bermula dari Januari hingga 14 Mei 2011 sebanyak 7,724 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 10,257 kes berbanding dengan 17,981 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 12 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 58 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Sehingga minggu ke-19, sejumlah 85 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara, turun sebanyak 6 lokaliti berbanding

dengan 91 lokaliti pada minggu sebelumnya. Bagi negeri Perlis, Kelantan, Pahang, Sabah dan WP Labuan, tiada wabak Denggi dilaporkan. Pada minggu lepas, terdapat 6 lokaliti *hot spots* dilaporkan, berbanding 3 pada minggu sebelumnya, iaitu masing-masing 3 lokaliti di WP Kuala Lumpur dan Selangor dengan jumlah kes Denggi yang dilaporkan sebanyak 75 kes (Lampiran C). Daripada jumlah kes tersebut, 71% kes yang berlaku adalah di 3 lokaliti *hot spots* di WP Kuala Lumpur iaitu di Flat Sri Perak (Kepong), Apartment Sri Rakyat (Bukit Jalil) dan Menara Orkid (Kepong). Dua (2) daripada 6 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran D) dan hanya 3 lokaliti *hot spots* dilaporkan menjalankan aktiviti gotong-royong. Penglibatan masyarakat masih rendah dalam aktiviti gotong-royong walaupun pihak KKM telah memasang 7,409 helai media luar sehingga minggu ini. Pemasangan media luar ini merupakan antara media terbaik bagi memberi kesedaran mengenai kejadian kes demam denggi kepada masyarakat setempat dan tindakan yang perlu mereka ambil bagi mencegahnya.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 8 hingga 14 Mei 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 97% berbanding dengan 549 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

18 Mei 2011

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2011
(8 hingga 14 Mei 2011)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 19/2010
		Minggu 19 (8 – 14 Mei 2011)	Minggu 18 (1 – 7 Mei 2011)		
1	Perlis	1	1	27	52
2	Kedah	11	5	182	256 (2)
3	P. Pinang	32	34	717 (1)	417 (2)
4	Perak	28	21	499 (1)	655 (2)
5	Selangor	153	120	2,808 (3)	8,407 (29)
6	WPKL & Putrajaya	37	36	619	2,079 (4)
7	N. Sembilan	19	27	292	821 (3)
8	Melaka	8	7	177	198 (3)
9	Johor	32	26	761 (4)	1,144 (3)
10	Pahang	12	14	401 (1)	452 (1)
11	Terengganu	13	6	330 (1)	358
12	Kelantan	4	9	271 (1)	463 (2)
13	Sarawak	23	21	423	1,943 (6)
14	Sabah	9	7	212	728 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	382	334	7,724 (12)	17,981 (58)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 19/2011
(8 hingga 14 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 19/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 19/2010
		Minggu 19 (8 – 14 Mei 2011)	Minggu 18 (1 – 7 Mei 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	3
4	Perak	0	0	2	3
5	Selangor	0	0	1	19
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	1
8	Melaka	0	0	1	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	1	1
11	Terengganu	0	0	0	1
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	1	502
14	Sabah	0	0	8	9
15	WP Labuan	0	0	0	7
	MALAYSIA	0	0	14	549

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA
MINGGU 19 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Sri Mawar Bandar Sri Putra	6	38
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Kerdas 3 Gombak	12	32
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Paling Jaya Semenyih	4	30
4	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	27	40
5	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	15	32
6	WPKL	Kepong	Menara Orkid	11	30

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 19
BAGI TAHUN 2011
(8 hingga 14 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Kepong	Menara Orkid	5.0	5
2	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	1.1	1